

PROGRAM

9.45 pagi	Kehadiran peserta dan pendaftaran
10.00 pagi – 10.05 pagi	Kata-kata aluan moderator:
10.05 pagi – 11.05 pagi	Penyampaian wacana: <i>Memahami dan Menelusuri Borneo Dalam Kerangka Persekutuan Malaysia</i> oleh Prof. Madya Dr. Zaini Othman
11.05 pagi – 11.30 pagi	Sesi Soal Jawab
11.30 pagi	Sesi tamat

Mengenai Siri Wacana KITA

Siri Wacana KITA memberi ruang kepada sarjana dan pelajar pasca siswazah mengetengahkan buah fikiran mereka mengenai pelbagai isu sosial berkait dengan etnik. Hasil daripada wacana tersebut dapat dipertimbangkan untuk penerbitan dalam Siri Kajian Etnik UKM. Untuk maklumat lanjut sila hantarkan e-mel kepada rachelchansuetkay@ukm.edu.my.



Siri Wacana KITA Bil. 6/2024

Memahami dan Menelusuri Borneo Dalam Kerangka Persekutuan Malaysia

**Prof. Madya Dr. Zaini Othman
Felo Kanan,
Institut Kajian Etnik (KITA)**

26 Mac 2024 (Selasa)
10.00 pagi – 11.30 pagi

Bilik Mesyuarat KITA Aras 4,
Kolej Keris Mas,
Universiti Kebangsaan Malaysia

ABSTRAK

Dalam konteks kehidupan bernegara dan bermasyarakat yang berasaskan kepada negara-bangsa, sempadan adalah salah satu elemen yang penting kepada konsep kehidupan tersebut. Malah, sempadan merupakan salah satu kepentingan nasional yang dipertahankan dalam apa jua keadaan sekalipun. Sempadan penting kerana ia merupakan “alat” pengukur jarak ruang atau geografis sesebuah negara dan bermasyarakat. Persaingan untuk memiliki ruang yang luas merupakan kepentingan nasional yang paling klasik yang terpahat pada setiap negara. Dalam era globalisasi kini, keperluan terhadap ruang semakin mendesak. Konflik yang berlaku di dunia masa kini adalah berpusat kepada persoalan ruang dan perluasan ruang. Ini kerana “ruang” merupakan sumber penting kepada kelangsungan sesebuah negara samada dari sudut sumber yang bersifat *tangible* dan juga *intangible* seperti bahan mentah, penempatan, pertahanan, mobiliti sosial, nasionalisme dan identiti politik. Sabah & Sarawak, dua buah entiti politik yang membentuk Persekutuan Malaysia terletak di Pulau Borneo merupakan antara wilayah Malaysia yang mempunyai permasalahan SEMPADAN yang komprehensif dan kompleks serta memerlukan kepada bukan sahaja penelitian yang bersifat konstruktif tetapi juga pemahaman intelektual secara holistik terhadap fakta-fakta sosial lapangan seperti migrasi tidak terkawal, pertindihan tuntutan wilayah antara negara jiran, konflik identiti budaya, aktiviti kumpulan pengganas dan lain-lain yang berkaitan.

Biodata ringkas pembentang



Zaini Othman merupakan Felo Penyelidik Kanan di Institut Kajian Etnik (KITA), Universiti Kebangsaan Malaysia. Beliau secara formalnya terlatih didalam bidang Sains Politik dengan tujahan dan penumpuan khusus dalam aspek Pembangunan Politik melalui penelitian yang diberikan kepada persoalan masyarakat sivil, identiti politik, nasionalisme dan negara bangsa dalam kalangan komuniti sempadan. Lapangan kajian mengenai aspek-aspek tersebut banyak ditumpukan kepada komuniti sempadan Sabah-Kalimantan, Indonesia. Kepakaran dan pemahaman luas beliau mengenai alam sosial Sabah telah meletakkan beliau sebagai antara pakar rujuk utama dalam kalangan komuniti akademik [luar & dalam negara], pengamal media [Astro Awani, RTM, Channel News Asia (Singapura), agensi kerajaan [Kementerian Dalam Negeri] & juga organisasi bukan kerajaan berkenaan aspek-aspek politik, keselamatan, dan kemasyarakatan Sabah. Buku tulisan beliau yang berjudul ‘Gerakan Berpolitik Bumiputra Islam Sabah’, terbitan tahun 2018, telah dijadikan sebagai buku rujukan utama oleh Dewan Bahasa & Pustaka dalam penghasilan buku teks sejarah Tingkatan 4 [Bab Negeri Sabah] Sekolah Malaysia bagi tahun 2020. Terkini, beliau sedang menjalankan kajian mengenai aspek identiti politik dalam kalangan komuniti minoriti Sabah dan hubungan timbal-alik antara komuniti majoriti di bawah nuansa “Sabah 4 Sabahan” serta kesannya ke atas keutuhan federalisme Malaysia.

Emel: znothman@ukm.edu.my

Web: <https://www.ukm.my/kita/ms/akademik/zaini-othman/>